

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

HELAIAN PENERANGAN PRODUK

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Group Term Family Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.)

(Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Keluarga Bertempoh Berkelompok. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

**Group Term Family Takaful /
Takaful Keluarga Bertempoh
Berkelompok**

Date / Tarikh : 13 Jun 2024

1. What is this plan about?

Apakah ciri-ciri pelan ini?

- * This plan provides takaful protection in the event of death, Total and Permanent Disablement (TPD) or critical illness to the person covered, subject to the terms and conditions of the certificate.

Pelan ini menyediakan perlindungan takaful apabila berlaku kematian, Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) atau penyakit kritikal kepada orang yang dilindungi, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sijil.

2. What are the Shariah concepts applicable?

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

This plan applies the following Shariah concepts:

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah tersebut:

- a. Tabarru' means donation for charitable purposes. Under this plan, the participant donates a portion of the contribution to the Group Family Takaful Account (GFTA) help other participants.

Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian sumbangan ke dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (ATKB) untuk membantu peserta-peserta lain.

- b. Wakalah refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. Under this plan, the participant authorizes the Company to manage the GFTA and in return, the Company will receive a wakalah fee.

Wakalah merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat untuk menguruskan ATKB dan sebagai balasan, Syarikat akan menerima yuran Wakalah.

- c. Qard refers to a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender. Under this plan, the Company will lend an amount of money to the GFTA without interest if the GFTA is in deficit.

Qard merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, Syarikat akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam ATKB tanpa faedah jika ATKB mengalami defisit.

3. What are the covers / benefits provided?

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- * This plan provides the following benefits:

Pelan ini memberi manfaat-manfaat berikut:

Benefits / Manfaat-manfaat	Plan Option / Pilihan Pelan			
	Silver	Gold	Platinum	Diamond
Death Benefit (Natural Causes) / <i>Manfaat Kematian (Sebab Biasa)</i>	RM 50,000	RM 100,000	RM 200,000	RM 300,000
Death Benefit (Accidental Causes) / <i>Manfaat Kematian (Sebab Kemalangan)</i>	RM 100,000	RM 200,000	RM 400,000	RM 600,000
Total and Permanent Disablement (TPD) Benefit (Accidental Causes) / <i>Manfaat (KMK) Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Sebab Kemalangan)</i>	RM 50,000	RM 100,000	RM 200,000	RM 300,000
Total and Permanent Disablement (TPD) Benefit (Natural Causes) / <i>Manfaat (KMK) Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Sebab Biasa)</i>	RM 100,000	RM 200,000	RM 400,000	RM 600,000
Critical Illness Benefit (Accelerated) / <i>Manfaat Penyakit Kritikal (Dipercepatkan)</i>	RM 50,000	RM 100,000	RM 200,000	RM 300,000

TPD and critical illness coverage will not be provided when the person covered attains the age of sixty-five (65) years next birthday.

Tiada perlindungan untuk KMK dan penyakit kritis akan diberikan apabila orang yang dilindungi mencapai umur enam puluh lima (65) tahun hari lahir akan datang.

- * Duration of cover is for one year. You need to renew your certificate annually.
Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu membaharui sijil setiap tahun.

4. How much contribution do I have to pay?

Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- * The contribution varies by plan option and attained age of the person covered at renewal and this plan is renewable at the option of the Company based on the contribution in effect at that time as notified by the Company.

Kadar caruman adalah berbeza bergantung kepada pilihan pelan dan umur yang tercapai orang yang dilindungi dan pelan ini boleh diperbaharui atas pilihan Syarikat berdasarkan caruman berkuatkuasa pada masa itu yang dimaklumkan oleh Syarikat.

The contribution is payable on monthly or annual mode. Please refer to the table of contributions as below:

Caruman boleh dibayar mengikut mod bulanan atau tahunan. Sila rujuk jadual caruman seperti di bawah:

Monthly Contribution / Caruman Bulanan

Attained Age / Umur Tercapai	Plan Option / Pilihan Pelan			
	Silver	Gold	Platinum	Diamond
30 days / hari - 35 years / tahun	RM31.80	RM62.54	RM125.08	RM187.62
36 - 50 years / tahun	RM37.10	RM73.14	RM146.28	RM218.36
51 - 60 years / tahun	RM80.56	RM161.12	RM322.24	RM483.36
61 - 64 years / tahun	RM130.38	RM259.70	RM519.40	RM779.10
^65 - 70 years / tahun	RM152.64	RM305.28	RM609.50	RM913.72
^71 - 75 years / tahun	RM254.40	RM508.80	RM1,016.54	RM1,525.34
^76 - 80 years / tahun	RM508.80	RM1,016.54	RM2,033.08	RM3,049.62

Annual Contribution / Caruman Tahunan

Attained Age / Umur Tercapai	Plan Option / Pilihan Pelan			
	Silver	Gold	Platinum	Diamond
30 days / hari - 35 years / tahun	RM374.18	RM748.36	RM1,496.72	RM2,245.08
36 - 50 years / tahun	RM436.72	RM872.38	RM1,744.76	RM2,617.14
51 - 60 years / tahun	RM966.72	RM1,932.38	RM3,863.70	RM5,796.08
61 - 64 years / tahun	RM1,558.20	RM3,116.40	RM6,231.74	RM9,347.08
^65 - 70 years / tahun	RM1,826.38	RM3,652.76	RM7,305.52	RM10,958.28
^71 - 75 years / tahun	RM3,049.62	RM6,098.18	RM12,196.36	RM18,294.54
^76 - 80 years / tahun	RM6,099.24	RM12,196.36	RM24,392.72	RM36,589.08

^for renewal only / hanya untuk pembaharuan

- * The contributions above are inclusive of 8% Service Tax.

Caruman di atas termasuk 8% Cukai Perkhidmatan.

- * The contributions must be paid to us or our authorized agent representing us before the commencement of the coverage.

Caruman mesti dibayar kepada kami atau ejen sah kami yang mewakili kami sebelum perlindungan di bawah pelan ini berkuat kuasa.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- * Wakalah fee which shall consist of commission / administration fee and other expenses.

Yuran wakalah yang terdiri daripada komisyen / yuran pengurusan dan perbelanjaan lain.

- * The wakalah fee is 27% of the annual contribution.

Yuran wakalah adalah 27% daripada caruman tahunan.

- * A 8% Service Tax are imposed on contribution due and payable under this plan.

Cukai Perkhidmatan 8% dikenakan ke atas caruman yang perlu dibayar di bawah pelan ini.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- * Duty of disclosure - Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in voidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information provided in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

Tanggungjawab Pendedahan - Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara lain yang mana sesiapa di dalam keadaan tertentu dijangkakan tahu akan relevan, jika tidak ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatian kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau sudah berubah.

- * Importance of disclosure - You must disclose all material facts and state the age of the person covered correctly.
Kepentingan pemberitahuan - Anda mesti memberitahu semua fakta material dan menyatakan umur orang yang dilindungi dengan betul.
- * Your application for this plan may be subject to underwriting requirements and acceptance of the Company.
Permohonan anda untuk pelan ini mungkin tertakluk kepada syarat-syarat pengunderitan dan penerimaan Syarikat.
- * Waiting period – The eligibility for critical illness benefit will only start thirty (30) days from coverage effective date for all critical illnesses other than cancer. For cancer, a 60-day waiting period shall apply. The waiting period shall not be applicable to the takeover certificates.
Tempoh Menunggu – Kelayakan bagi perlindungan semua penyakit kritikal hanya akan bermula tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuat kuasa perlindungan untuk semua penyakit kritikal selain daripada kanser. Tempoh menunggu enam puluh (60) hari adalah terpakai untuk penyakit kanser. Tempoh menunggu tidak diguna pakai untuk pengambilalihan sijil.
- * Free-look period - You may cancel this plan by returning the certificate within fifteen (15) calendar days after the certificate has been received by you. The contributions that you have paid will be refunded to you.
Tempoh penelitian percuma - Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memulangkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalender selepas sijil diterima oleh anda. Caruman yang anda telah bayar akan dibayar balik kepada anda.
- * Unless renewed, the coverage will cease on the expiry date and the Company will not be liable for any events that take place after the expiry date.
Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh jika sijil tidak diperbaharui, dan Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kejadian yang berlaku selepas tarikh tamat tempoh.

Note / Nota:

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the terms and conditions under this plan.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi pelan ini.

7. What are the major exclusions under this plan?

Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

- * Death (Accidental Causes) / Total and Permanent Disablement (Accidental Causes)
Kematian (Sebab Kemalangan) / Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Sebab Kemalangan)
 - * Suicide, attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
Membunuh diri, cubaan membunuh diri atau kecederaan secara sengaja, ketika waras atau tidak waras;
 - * War, declared or undeclared, revolution or any warlike operations.
Peperangan, tidak kira peperangan diisyiharkan atau tidak, penaklukan atau operasi seakan peperangan.
- * Total and Permanent Disablement (Natural Causes) / Total and Permanent Disablement (Accidental Causes)
Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Sebab Biasa) / Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Sebab Kemalangan)
 - * Total and Permanent Disablement of the person covered which has existed on or prior to the coverage effective date;
Keilatan Menyeluruh dan Kekal orang yang dilindungi yang telah wujud pada atau sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan;
 - * Attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane.
Cubaan membunuh diri atau kecederaan secara sengaja, ketika waras atau tidak waras.
- * Critical Illness (Accelerated)
Penyakit Kritikal (Dipercepatkan)
 - * Pre-existing illness.
Penyakit sedia ada.
 - * Any condition which existed or was diagnosed:
 - a. during the waiting period; or
 - b. after the expiry of the waiting period but which is related to a condition existed or was diagnosed during the waiting period;

except for critical illness contracted due to injury.
Sebarang keadaan yang wujud atau didiagnos:

 - a. semasa tempoh menunggu; atau

- b. selepas tamat tempoh menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau didiagnos semasa tempoh menunggu;
kecuali penyakit kritis yang disebabkan akibat kecederaan.

Note / Nota:

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full list of exclusions under this plan.
Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi pelan ini.

8. Can I cancel my certificate?

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

You may cancel your certificate by giving a written notice to us. Upon cancellation, you will be entitled to a portion of contribution refund provided that no claim has been made under the certificate during the current period of takaful. The portion of contribution refund is 73% of contribution amount and proportionate on the remaining period of cover.

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila pembatalan, anda berhak menerima sebahagian pengembalian caruman dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil sepanjang tempoh takaful semasa. Sebahagian pengembalian caruman ialah 73% daripada jumlah caruman dan berkadar baki tempoh perlindungan.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Where can I get further information?

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from our takaful agents or visit www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan info insurans mengenai 'Takaful Keluarga' yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskah daripada ejen takaful kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

If you have any queries, please contact us at:

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Head Office / Ibu Pejabat: 27th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Telephone / Telefon: 603-2268 1984

Fax / Faks: 603-2274 0237

Website / Laman Sesawang: takaful-malaysia.com.my

Customer Service / Khidmat Pelanggan: 1-300 88 252 385

Email / Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Other similar types of family takaful cover available

Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan

Please ask the Company for other similar types of plans offered by the Company.

Sila ajukan pertanyaan kepada Syarikat untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Syarikat.

IMPORTANT NOTES / NOTIS PENTING:

YOU SHOULD SASTIFY YOURSELF THAT THIS PLAN BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE OR CONTACT THE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

THE BENEFIT(S) PAYABLE UNDER ELIGIBLE CERTIFICATE IS PROTECTED BY PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UP TO LIMITS. PLEASE REFER TO PIDM'S TAKAFUL AND INSURANCE BENEFITS PROTECTION SYSTEM ("TIPS") BROCHURE OR CONTACT TAKAFUL MALAYSIA OR PIDM (VISIT WWW.PIDM.GOV.MY).

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (“[TIPS](#)”) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 13 Jun 2024.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuatkuasa pada 13 Jun 2024.